

24 OCT 2000
LAPORAN-BELANJAWAN
TEKA-TEKI BELANJAWAN

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Jumaat ini Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin akan membentangkan perancangan kewangan dan pembangunan negara untuk tahun 2001.

Apa yang akan ada di dalamnya sentiasa menjadi teka-teki sehingga beliau mendedahkan apa yang kerajaan hendak lakukan dalam ucapan belanjawan yang dijangka mengambil masa satu setengah jam.

Sesetengah kalangan menyifatkan belanjawan kerajaan persekutuan sebagai dokumen kehidupan di mana kandungannya mempunyai kesan ke atas semua peringkat masyarakat.

Benar, kerana ucapan belanjawan adalah lebih daripada hanya cukai. Satu aspek penting belanjawan adalah strategi-strategi pembangunan kerajaan untuk tahun itu dan bagaimana ia mahu pembangunan ekonomi dan sosial negara diteruskan.

Dalam Belanjawan 2000, terasnya adalah mengenai mengekalkan pemulihan ekonomi negara dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sejajar dengan potensi ekonomi dan pembangunan negara.

Selari dengan ini, strategi-strategi lain termasuk meningkatkan daya saing negara dan daya pegas terhadap risiko-risiko luaran dan menggalakkan sektor perkhidmatan sebagai sektor utama dalam pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan sektor pertanian.

Strategi belanjawan kerajaan tahun lepas juga memasukkan membangunkan kemahiran dan pengetahuan sumber manusia negara dan meneruskan berbagai program sosial untuk kesejahteraan rakyat dan alam sekitar.

Dalam kata lain, ucapan belanjawan adalah dokumen dinamik yang menggariskan apa yang kerajaan sediakan untuk setiap orang. Bagi 2001, Daim telah membayangkan bahawa belanjawan ini akan mengandungi "berita baik untuk orang ramai".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah memberitahu bahawa Belanjawan 2001 adalah belanjawan lebihan.

Tetapi seperti biasa, cadangan-cadangan cukai sentiasa diperhati dan dianalisa kerana ia akan memberi kesan kepada saku dan kocek pengguna dan lembaran imbalan syarikat.

Cadangan-cadangan seperti itu jatuh dalam empat bahagian -- mengenakan cukai dan duti baru, meningkatkan tahap cukai atau duti sedia ada, mengurangkan cukai dan duti sedia ada dan menghapuskan sama sekali cukai dan duti.

Banyak yang telah dikatakan sejak beberapa hari lepas mengenai apa yang kerajaan patut lakukan dan apa yang tidak seharusnya dilakukan. "Senarai harapan" agak panjang dan semakin besar.

Contohnya, ramai penganalisis menjangkakan kerajaan akan menangani isu cukai pendapatan korporat dan individu.

Pemotongan cukai pendapatan korporat dan individu bermakna lebih banyak wang boleh digunakan oleh syarikat dan individu untuk merangsang perbelanjaan serta menarik pelaburan asing.

Ramai perunding cukai mengharapakan kerajaan akan mengurangkan cukai korporat kepada 27 peratus daripada 28 peratus sekarang untuk menjadikan Malaysia sebagai tempat yang menarik untuk menjalankan perniagaan. Mereka juga merasakan bahawa kadar tertinggi cukai pendapatan peribadi harus diturunkan kepada 28 peratus daripada 29 peratus sekarang.

Satu lagi bidang yang sering dilihat adalah kos menjalankan perniagaan di Malaysia, khususnya bagi syarikat-syarikat yang berpangkalan di Malaysia

tetapi operasinya dijalankan di luar negara. Perkara ini harus diberi perhatian serius, kata pakar-pakar cukai, sekiranya Malaysia hendak menarik lebih banyak firma asing, terutamanya peneraju-peneraju pasaran dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, untuk membuka perniagaan di negara ini.

Mereka yang terlibat dalam sektor hartanah dan pembinaan juga mengharapkan kerajaan akan bertindak mengurangkan lebihan hartanah dan merangsang lebih banyak transaksi hartanah.

Untuk merangka belajawan, satu siri dialog pra-belanjawan telah diadakan awal tahun ini bagi membolehkan para pegawai Perbendaharaan mengetahui apa yang dikehendaki oleh orang awam dan sektor swasta. Pandangan yang dikumpul menerusi memorandum-memorandum digunakan oleh para pegawai Kementerian Kewangan untuk menyediakan belanjawan itu.

Bersama-sama dengan ucapan belanjawan, kerajaan juga akan mengeluarkan Laporan Ekonomi Perbendaharaan 2000/2001 yang mengandungi ulasan dan analisa mengenai sektor ekonomi dan sosial neara.

-- BERNAMA

SHY MR JR MA